

7 kementerian bantu tangani virus zika

BH
18/10/16
MS 25

➔ Langkah pencegahan bantu bendung penyebaran virus jadi wabak



Kita hanya mempunyai kes sporadis virus zika sekarang dan tidak ada kejadian kluster baharu atau wabak dilaporkan setakat ini”

Dr S Subramaniam,
Menteri Kesihatan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Rohaniza Idris dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Kerjasama tujuh kementerian dan pelbagai agensi berjaya membantu mengurangkan kes denggi dan menghentikan penyebaran virus zika di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata langkah pencegahan dan kawalan yang kukuh diambil kerajaan membantu menghentikan jangkitan virus zika daripada menjadi wabak.

Tiada kluster baharu

“Kita hanya mempunyai kes sporadis virus zika sekarang dan tidak

ada kejadian kluster baharu atau wabak dilaporkan setakat ini,” katanya ketika menjawab soalan Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) pada sidang Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Dr Subramaniam berkata, tindakan agresif diambil kerajaan menunjukkan hasil positif kerana hanya tujuh kes zika dilaporkan setakat ini, iaitu masing-masing dua kes di Sabah dan Johor serta masing-masing satu kes di Selangor, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

Bebas virus

“Antara 31 Ogos hingga 8 Oktober lalu, terdapat 180 kes pesakit dengan gejala zika, tetapi ujian dilakukan mengesahkan hampir semua penghidap bebas virus berkenaan,” katanya.

Dr Subramaniam berkata, kerajaan berjaya melaksanakan semua langkah perlu bagi menangani penyebaran virus berkenaan iaitu menerusi pencegahan, pengawalan dan pengurangan.

Beliau berkata, langkah pencegahan juga membantu memastikan tiada anggota pasukan Malaysia di Sukan Olimpik Rio menghidap zika.

Katanya, satu pasukan petugas kebangsaan mengenai zika juga mengeluarkan garis panduan cara mengendalikan penyakit ini, terutama kaedah mengenal pasti gejala dan kesannya.



Seorang petugas Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor menyembur asap bagi mengawal pembiakan nyamuk aedes.

Fakta nombor

180 KES

pesakit dengan gejala zika hingga 8 Oktober lalu

7 KES

zika direkod setakat ini